

Headline	Laksana proses pemulihan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	14	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	291 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Azone Sarabatin, Mohd Iskandar	AdValue	RM 10,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,093



**PEMINDAHAN ASET TH RM19.9B KEPADA SPV MILIK KERAJAAN**

# Laksana proses pemulihan

→ Tiada aset Tabung Haji dicairkan setakat ini: Mujahid

Oleh **Mohd Azone Sarabatin, Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi**  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**emindahan aset milik Lembaga Tabung Haji (TH) bernilai RM19.9 billion kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik kerajaan bertujuan membolehkan proses pemulihan dilaksanakan menerusi strategi penstrukturuan semula.

Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, berkata tiada aset dipindahkan daripada TH kepada SPV yang dicairkan setakat ini.

“Pemindahan aset berkenaan kepada SPV adalah sebahagian daripada usaha mengembalikan keadaan kewangan TH kepada normal dan mempercepatkan pemulihan kewangan institusi itu.

“Yang Berhormat Pendang (Awang Hashim) kena beritahu orang di bawah tiada aset (TH) yang dicairkan sehingga hari ini daripada nilai RM19.9 billion semua aset yang dipindahkan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Mujahid menjawab soalan Awang (PAS-Pendang) yang ingin mengetahui sama ada aset TH yang dipindah kepada SPV dicairkan.

Kepada soalan tambahan Awang mengenai siapa yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif SPV, Mujahid berkata, SPV dikenali sebagai Urus Harta



Pemindahan aset itu kepada SPV adalah sebahagian daripada usaha kembalikan keadaan kewangan TH kepada normal dan percepatkan pemulihan kewangan institusi itu”

**Mujahid Yusof,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Jemaah Sdn Bhd terdiri daripada mereka yang berpengalaman.

“Lembaga pengarah terdiri daripada pegawai Kementerian Kewangan dan seorang pengarah bebas yang berpengalaman, manakala pengurusan Ketua pegawai eksekutif di bawah Menteri Kewangan Diperbadanan (MOF Inc),” katanya.

#### Sesi jawapan terganggu

Bagaimanapun, sesi jawapan Mujahid terganggu apabila Awang dan Datuk Abdul Azeez Rahim (BN-Baling) mempertikaikan jawapan menteri kerana tidak memaklumkan nama ahli lembaga pengarah terbabit.

Keadaan menjadi tidak terkawal beberapa minit apabila lebih ramai Ahli Parlimen pembangkang dan kerajaan masuk campur dan bertikam lidah dengan Mujahid.

Kekecohan berlarutan sehingga masa Mujahid menjawab tamat dan Timbalan Speaker, Datuk Rashid Hasnon, berpindah kepada aturan mesyuarat lain.